

PEMAKLUMAN PERUBAHAN TARIKH PEPERIKSAAN

Selaras dengan keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) pada 10 April 2018, terdapat perubahan tarikh bagi dua (2) peperiksaan yang telah ditetapkan seperti didalam Jadual Peperiksaan Perkhidmatan Awam Tahun 2018 yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Perubahan ini dibuat bagi memberi laluan kepada proses mengundi biasa bagi Pilihan Raya Umum Ke-14 yang telah ditetapkan pada 9 Mei 2018 yang juga telah diisytiharkan sebagai Hari Kelepasan Am Tambahan.

Perubahan tarikh Peperiksaan yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Bil	Nama Peperiksaan	Kod	Tarikh Asal	TARIKH BARU	Masa
1	PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN GRED 29 DAN KE ATAS				
	BAHAGIAN A [ESEI]	2941A	09.05.2018 (Rabu)	14.05.2018 (Isnin)	Seperti didalam Jadual
	BAHAGIAN B [ESEI]	2941B	09.05.2018 (Rabu)	14.05.2018 (Isnin)	
	BAHAGIAN C (Subjek Jabatan) [ESEI] Pegawai Tadbir Gred N41	2941C	10.05.2018 (Khamis)	15.05.2018 (Selasa)	
	BAHAGIAN E (Subjek Jabatan) [ESEI] (i) Pegawai Psikologi Gred S41 (ii) Penolong Pegawai Psikologi Gred S29	2941E	10.05.2018 (Khamis)	15.05.2018 (Selasa)	
	BAHAGIAN F (Subjek Jabatan) [ESEI] Pegawai Latihan Vokasional Gred DV41	2941F	10.05.2018 (Khamis)	15.05.2018 (Selasa)	
2	PEPERIKSAAN KHAS UNTUK MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19				
	BAHAGIAN A [ANEKA PILIHAN]	3002A	15.05.2018 (Selasa)	11.07.2018 (Rabu)	Seperti didalam Jadual
	BAHAGIAN B [ANEKA PILIHAN]	3002B	15.05.2018 (Selasa)	11.07.2018 (Rabu)	

Manakala bagi peperiksaan yang lain, tarikh dan masa peperiksaan adalah kekal seperti didalam jadual yang telah dimuatnaik di laman sesawang <https://www.kompetensi.jpa.gov.my>. Maklumat tarikh baru peperiksaan ini juga akan dipaparkan di Slip Arahan Calon masing-masing sebelum tarikh peperiksaan diadakan.

Selamat menduduki peperiksaan dan semoga beroleh kejayaan!

Sekian, terima kasih.

Urusetia Peperiksaan Perkhidmatan Awam

Jabatan Perkhidmatan Awam

10 April 2018